

PM berbuka di Kuching esok
Utusan Online
9 Ogos, 2012

KUCHING 8 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor akan menghadiri majlis berbuka puasa bersama pembesar negeri dan rakyat di bangunan Dewan Undangan Negeri (DUN), Petra Jaya di sini Jumaat ini.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur yang juga Timbalan Setiausaha Kerajaan negeri, Datu Misnu Taha berkata, Najib akan diiringi Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri, Puan Sri Ragad Kurdi Taib, menteri dan menteri muda negeri, ketua-ketua jabatan dan pemimpin masyarakat.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120809/dn_03/PM-berbuka-di-Kuching-esok